

# PNB MERDEKA VENTURES SDN. BERHAD

(517991-A)

Tingkat 19, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

Tel: 03-2050 5100 Faks: 2050 5820

---

UNTUK SIARAN SEGERA

## PNB MERDEKA VENTURES PENGAMAL AWAL SUKUK HIJAU ASEAN SRI

**KUALA LUMPUR (8 November 2017)** – PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PNBMV), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), peneraju institusi pelaburan di Malaysia akan menjadi pengamal awal Piawaian Sukuk Hijau ASEAN bagi membiayai pembinaan projek menara Merdeka PNB118 di presint berprestij Warisan Merdeka di Jalan Stadium, Kuala Lumpur.

PNBMV mengusulkan terbitan sukuk hijau bercagar bertempoh 15 tahun menerusi Program Sukuk tanpa penarafan sehingga RM2.0 bilion, yang dikenali sebagai Program Sukuk Hijau Merdeka ASEAN SRI. Ini adalah bagi membiayai pembinaan ruang pejabat 83 tingkat, yang menjadi sebahagian daripada projek menara Merdeka PNB118. Program Sukuk Hijau Merdeka ASEAN SRI bakal menjadi pengamal awal Piawaian Bon Hijau ASEAN yang dilancarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan mematuhi garis panduan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) di bawah seliaan SC untuk Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja Kemuka dan Lancar. MIDF Amanah Investment Bank Berhad adalah penasihat dan pengatur utama untuk Program Sukuk Hijau Merdeka ASEAN SRI.

"Kami gembira PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad akan menjadi pengamal awal di Malaysia untuk menerbitkan Program Sukuk Hijau Merdeka ASEAN SRI yang sekaligus menunjukkan komitmen PNB untuk membangunkan Warisan Merdeka sebagai projek yang mampan dan mesra alam. Kami juga gembira dapat menyokong usaha badan kawal selia dalam menyediakan platform pelaburan kepada para pelabur yang ingin memperuntukkan modal bagi membiayai projek yang bersifat mampan dan mesra alam," kata Tengku Dato' Ab. Aziz Tengku Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif PNBMV pada majlis pelancaran yang diadakan di SC.

"Penerbitan sukuk hijau pertama oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan menandakan kemasukan sukuk hijau ke dalam pasaran utama sukuk," menurut wakil Kumpulan Bank Dunia ke Malaysia, Faris Hadad-Zervos. "Hakikat bahawa ianya membiayai pembinaan bangunan hijau menunjukkan sukuk hijau ini bukan sekadar tentang tenaga yang diperbaharui, tetapi mencakupi pelbagai projek mesra alam. Kumpulan Bank Dunia akan terus menjadi rakan usahasama Malaysia dalam membangunkan pendekatan inovatif ke arah kewangan mampan," tambah beliau lagi.

"Pembangunan Warisan Merdeka telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memastikan dasar dan amalan terbaik yang mampan diguna pakai untuk operasi dan pembinaan bangunan, sejajar dengan piawaian global. Setelah siap dibina, Merdeka PNB118 akan menjadi bangunan pertama di Malaysia yang menepati tiga akreditasi platinum bangunan hijau tempatan dan antarabangsa, iaitu *Green Building Index* (GBI),

# PNB MERDEKA VENTURES SDN. BERHAD

(517991-A)

Tingkat 19, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

Tel: 03-2050 5100 Faks: 2050 5820

---

*Green Real Estate (GreenRE), dan Leadership in Energy and Environmental Design (LEED),*" tambah Tengku Dato' Ab. Aziz Tengku Mahmud.

Menjelang 2020, Merdeka PNB118 akan menjadi bangunan pencakar langit Kuala Lumpur menggantikan Menara Berkembar Petronas dan sekali gus menjadikannya bangunan tertinggi di Asia Tenggara dan kelima tertinggi di dunia.

## **Permodalan Nasional Berhad**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia. Ia memiliki syarikat pengurusan unit amanah terbesar negara, iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), dan juga Amanah Mutua Berhad (AMB). Setakat ini, Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB berkembang kepada RM268.6 bilion, dari sekitar RM3.5 bilion pada tahun 1981. Dengan Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022 di bawah kepimpinan baharu, PNB kini sedang mengorak langkah ke hadapan bagi mengekalkan prestasinya untuk jangka masa lima tahun akan datang, seterusnya merealisasikan wawasanya sebagai sebuah Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

## **PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad**

PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), diperbadankan pada bulan Jun 2000 bagi membangunkan presint Warisan Merdeka, dan juga pemilik tanah dan penjaga tunggal kedua-dua Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak dari itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan pelan pemuliharaan yang teliti sehingga Stadium Merdeka meraih Anugerah Kecemerlangan UNESCO untuk Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pacific) di 2008.

Projek mercu tanda Warisan Merdeka, yang dijangka siap pada Disember 2020, merangkumi: sebuah Menara ikonik setinggi 118 tingkat dengan anggaran 3 juta kaki persegi kawasan lantai, yang terdiri daripada 1.65 juta kaki persegi ruang pejabat untuk disewa, sebuah hotel mewah dengan dek pemerhatian dan sebuah pusat membeli-belah. Projek ini disokong oleh pelan infrastruktur utama untuk meningkatkan akses ke presint tersebut sama ada dengan pengangkutan awam atau kereta. Sehingga kini stesen Transit Aliran Massa Rapid Merdeka (MRT) sudah beroperasi. Kerja-kerja infrastruktur sedang dijalankan untuk membina dua terowong untuk kenderaan mengakses menara dan beberapa laluan akses lebuhraya yang mewujudkan jaringan laluan yang lebih banyak.

**Dikeluarkan oleh: PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Liza Karim – Ketua, Komunikasi

PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad

Tel: +603-2050 5100 | Fax: 03-2050 5820 | E-mail: [lizakarim@pnb.com.my](mailto:lizakarim@pnb.com.my)